

TR: 6:9:64

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI PERTAHANAN DI HARI TAMAT LATIHAN  
PASUKAN PERKHIDMATAN NEGARA YANG PERTAMA  
DI SEGENTING, PORT DICKSON PADA 29 SEPTEMBER  
1964

Tuan-tuan sekalian,

Saya berasa sangat bangga kerana dapat peluang hadir di sini untuk menyaksikan upacara tamat latihan dan memberi sepatah dua kata.

Di dalam masa dua bulan ini tuan-tuan telah dilatih bukan sahaja dalam bidang ketenteraan bahkan yang lebih lagi membentuk keperibadian tuan-tuan. Keperibadian ini adalah perlu diamalkan setiap masa apakala tuan-tuan kembali ke tempat masing-masing dan menjalankan kerja-kerja tuan-tuan sehari-hari.

Sekembalinya tuan-tuan ke kampung dan desa adalah harapan saya semoga tuan-tuan akan turut mengambil peranan yang penting di dalam berbagai cabang gerakan keselamatan dan sukarela yang sudah dibentuk di seluruh tanahair kita untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita.

Seperti yang tuan-tuan sedia maklum iaitu tanahair kita yang kaya raya ini sedang di dalam keadaan terancam disebabkan oleh pencerobohan sebuah negara tetangga kita — Indonesia. Negara ini bukan sahaja telah menceroboh masuk dengan jalan laut dan udara bahkan telah juga menggunakan warganegara kita yang menderhaka untuk menyemaikan benih perpecahan di antara rakyat negara. Ejen-ejen ini telah juga diarah merosakkan perkhidmatan-perkhidmatan yang mustahak seperti binaan-binaan, landasan-landasan keretapi, jambatan-jambatan dan lain perkhidmatan yang penting bagi pertahanan. Segala gerakan yang ganas ini telah dapat dipatahkan dan mereka yang mengganas itu telah ditawan dan dihukum.

Sebagai suatu kuasa penceroboh Indonesia tiada akan berdiam diri dan berpuas hati dengan kelakuan-kelakuan yang tiada berjaya itu bahkan sedang menjalankan usaha-usaha buas terus menerus. Walau bagaimanapun segala pencerobohan itu telah dapat dihapuskan dengan mendapat kejayaan yang gilang gemilang. Tentera keselamatan kita telah ditempatkan di tempat-tempat yang penting di mana pencerobohan-pencerobohan baharu mungkin akan berlaku. Tentera-tenterakeselamat-

an ini ada mendapat bantuan yang sebaik-baiknya dari pasukan Polis dan Pasukan-pasukan Pertahan Negara dan Pasukan Kawalan Kampung.

Usaha mengembang dan membesarkan lagi pasukan pertahanan adalah sedang dijalankan. Pasukan-pasukan seramai tuan-tuan ini akan dilatih di sini pada tiap-tiap dua bulan sehingga Kerajaan dapat membentuk satu brigade yang besar Tentera Setia Simpanan yang akan bertugas bila dikehendaki kelak. Tuan-tuan adalah dikehendaki mengawasi segala dakyah yang disebarkan oleh ejen-ejen Indonesia di kalangan warganegara. Dakyah ini semata-mata palsu untuk membangkitkan perasaan benci membenci dan dengan ini terjadilah pecah belah di antara warganegara kita yang telah hidup dalam keadaan berbaik-baik selama berkurun-kurun.

Kejadian-kejadian seperti ini telah dapat dihapuskan dan ejen-ejen Indonesia telah diberkas. Perisytiharaan Darurat telah dikenakan di seluruh Malaysia dan dengan kuasa-kuasa Darurat tiap-tiap gerakan yang dilakukan oleh ejen-ejen ini telah dapat diikuti dan mereka ditangkap dan dihukum.

Sekembalinya tuan-tuan dari latihan ini tuan-tuan akan diletakkan di dalam tentera Setia Negara sebagai tentera simpanan. Tuan-tuan akan dikerah untuk menjalankan latihan-latihan selama dua minggu di dalam satu-satu tahun bersama-sama tentera keselamatan. Latihan-latihan ini adalah mustahak untuk mengemaskan diri tuan-tuan dan membolehkan tuan-tuan senantiasa berada di dalam keadaan bersiap sedia.

Patutlah tuan-tuan berasa bangga kerana tuan-tuan ialah di antara warganegara yang pertama telah menjalankan latihan-latihan peperangan mengikut cara-cara moden. Pengalaman yang tuan-tuan dapati di sini hendaklah diminati setiap masa dan bila tuan-tuan turut campur diri di dalam gerakan-gerakan di tempat masing-masing gunakanlah pengetahuan yang tuan-tuan terima ini dengan betul dan sumbangkanlah segala pengetahuan ini kepada ahli-ahli pasukan yang tuan turut campuri itu.

Buat penutupnya saya sekali lagi dengan beberapa sukacita mengucapkan penuh rasa gembira kerana dapat hadir di upacara tamat latihan ini. Dengan latihan-latihan yang tuan-tuan telah terima saya yakin akan kesanggupan tuan-tuan menyahut seruan ibu pertiwi dan tampil ke muka untuk mempertahankan kedaulatan dan keperibadian negara Malaysia dan keselamatan dan kebebasan warganegara sekalian.

Saya ucapkan selamat berpisah dan pulanglah ke tempat masing-masing dengan penuh perasaan tanggungjawab dan bersiap sedia menemui sebarang kemungkinan.

Selamat maju jaya.